

# *Pengurusan* **RISIKO & INSURANS**

**Lim Chee Chee**

068

 **PENERBIT**  
Universiti Utara Malaysia

[penerbit@uum.edu.my](mailto:penerbit@uum.edu.my)

  
PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



# *Pengurusan* **RISIKO & INSURANS**

Lim Chee Chee

Penerbit Universiti Utara Malaysia  
Sintok • 2003

**PUSTAKA PERDANA**



**1011543**

**ISBN 983-2479-43-6**

Cetakan Pertama, 2003

© Lim Chee Chee

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit **Universiti Utara Malaysia**.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lim, Chee Chee

Pengurusan risiko dan insurans / Lim Chee Chee.

ISBN 983-2479-43-6

1. Risk management. 2. Insurance. I. Judul.

368.0068

*Diterbit dan dicetak oleh:*

Jabatan Penerbitan & Teknologi Media

*Penyunting:*

Rosma Ishak

*Rekabentuk & Susun Atur:*

Rohimah Muhamad

Nor Azizah Ismail

*Pegawai Percetakan:*

Ridzuan Hashim

368.0068

# KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Senarai Jadual	xv
Senarai Rajah	xvii
Prakata	xix
<b>BAB 1 : Pengenalan Kepada Risiko</b>	
Pengenalan	1
Risiko ( <i>Risk</i> ) Dan Peluang ( <i>Chance</i> )	1
Makna Risiko Secara Am	2
Definisi Risiko Dalam Konteks Pengurusan Risiko Dan Insurans	2
Komponen Risiko	3
Ketidakpastian	3
Tahap Risiko	3
Punca Kerugian	4
Risiko Objektif ( <i>Objective Risk</i> ) Dan Risiko Subjektif ( <i>Subjective Risk</i> )	6
Risiko Objektif	6
Risiko Subjektif	6
Probabiliti Objektif ( <i>Objective Probability</i> ) Dan Probabiliti Subjektif ( <i>Subjective Probability</i> )	8
Probabiliti Objektif	8
Probabiliti Subjektif	9
Klasifikasi Risiko	9
Risiko Kewangan Dan Risiko Bukan Kewangan	9
Risiko Tulen Dan Risiko Spekulatif	10
Risiko Fundamental Dan Risiko Tertentu	11
Jenis-Jenis Risiko Tulen	12
Risiko Peribadi	12
Risiko Harta	14
Risiko Liabiliti	14
Beban Risiko Ke Atas Masyarakat	15
Teknik Pengendalian Risiko	16
Rumusan	16
<b>BAB 2 : Teknik Pengendalian Risiko: Pengelakan, Pembendungan, Pemindahan Bukan Insurans Dan Pengawalan Kerugian</b>	
Pengenalan	19

Teknik Pengelakan	19
Kebaikan	19
Kelemahan	19
Teknik Pembendungan	20
Jenis Pembendungan	21
Tahap Pembendungan	21
Cara Pembiayaan Kerugian	21
Kebaikan	22
Kelemahan	23
Teknik Pemindahan Bukan Insurans	23
Pemindahan Risiko Dengan Menggunakan Kontrak	23
Pemindahan Risiko Dengan Menggunakan Teknik Perlindungan Nilai	24
Pemindahan Risiko Dengan Memperbadankan Organisasi Perniagaan	25
Teknik Pengawalan Kerugian	25
Objektif Pengawalan Kerugian	26
Kebaikan	26
Rumusan	27

### **BAB 3 : Teknik Pengendalian Risiko: Insurans**

Pengenalan	29
Definisi Insurans	29
Konsep Asas Operasi Insurans	30
Konsep Penggemblerangan Kerugian	30
Hukum Bilangan Besar	30
Kerugian Mestilah Suatu Yang Tidak Disengajakan	32
Kewujudan Pemindahan Risiko	32
Indemniti Untuk Tujuan Pemulihan	32
Sifat-Sifat Yang Dimiliki Oleh Risiko Boleh Insurans	32
Risiko Yang Homogen Dan Mempunyai Bilangan Yang Banyak	33
Kerugian Yang Tidak Disengajakan	33
Kerugian Yang Boleh Dikenal Pasti Dan Dikuantifikasikan Dengan Tepat	34
Bukan Merupakan Suatu Kerugian Yang Amat Besar	34
Kebarangkalian Berlakunya Risiko Dapat Diramalkan	35
Kadar Premium Yang Mampu Dibayar Oleh Pemegang Polisi	35
Pengurusan Insurans	35
Mengetahui Pasti Jenis Insurans Yang Diperlukan	35

Memilih Syarikat Insurans Terbaik	36
Membincangkan Syarat Polisi Insurans	37
Menyebarkan Maklumat Tentang Insurans Yang Telah Dibeli	37
Mengkaji Semula Program Insurans Yang Telah Diamalkan Oleh Organisasi	37
Kebaikan Insurans	37
Kelemahan Insurans	38
Rumusan	38
<b>BAB 4 : Pengurusan Risiko</b>	
Pengenalan	41
Definisi Pengurusan Risiko	41
Perbezaan Antara Pengurusan Risiko Dan Pengurusan Insurans	42
Objektif Menjalankan Program Pengurusan Risiko	42
Objektif Sebelum Kerugian	42
Objektif Selepas Kerugian	43
Langkah Untuk Menjalankan Pengurusan Risiko	44
Langkah 1: Pengenalpastian Risiko	45
Langkah 2: Penilaian Risiko	46
Langkah 3: Pemilihan Teknik(-Teknik) Pengendalian Risiko Yang Sesuai	46
<i>Risiko Jenis 1</i>	47
<i>Risiko Jenis 2</i>	47
<i>Risiko Jenis 3</i>	48
<i>Risiko Jenis 4</i>	48
Langkah 4: Pelaksanaan Program Pengurusan Risiko	49
Rumusan	50
<b>Bab 5: Prinsip Asas Insurans</b>	
Pengenalan	53
Prinsip Indemniti	53
Prinsip Kepentingan Boleh Insurans	56
Kepentingan Boleh Insurans Dalam Insurans Harta Dan Liabiliti	57
Kepentingan Boleh Insurans Dalam Insurans Hayat	58
Prinsip Subrogasi	60
Prinsip Sumbangan	60
Prinsip Penuh Percaya Mutlak	62
Pernyataan	62

	Penyembunyian	63
	Waranti	63
	Rumusan	64
<b>Bab 6:</b>	<b>Elemen Asas Pembentukan Kontrak Insurans Dan Ciri-Ciri Khas Kontrak Insurans Dari Segi Perundangan</b>	
	Pengenalan	67
	Elemen Asas Pembentukan Kontrak Insurans	67
	Cadangan/Tawaran Dan Penerimaan	67
	Balasan	67
	Pihak Yang Berkeupayaan	68
	Tujuan Sah Di Sisi Undang-Undang	69
	Ciri-Ciri Khas Kontrak Insurans Dari Segi Perundangan	69
	Kontrak Aleatori	69
	Kontrak Sehalu	70
	Kontrak Bersyarat	70
	Kontrak Peribadi Dan Kontrak Bukan Peribadi	71
	Kontrak Kesertaan	71
	Rumusan	71
<b>Bab 7:</b>	<b>Komponen Asas Dalam Kontrak Insurans</b>	
	Pengenalan	73
	Definisi Istilah	73
	Komponen Asas Dalam Kontrak Insurans	74
	Bahagian Tajuk	74
	Bahagian Pengisytiharan	74
	Bahagian Pendahuluan	75
	Bahagian Definisi	75
	Bahagian Fasal Menginsurans	75
	Bahagian Pengecualian	76
	<i>Jenis-Jenis Pengecualian</i>	76
	<i>Sebab Wujudnya Pengecualian</i>	77
	Bahagian Syarat	79
	<i>Syarat Tersirat</i>	79
	<i>Syarat Tersurat</i>	79
	Bahagian Pelbagai Peruntukan	81
	Bahagian Fasal Pengakusaksian	81
	Rumusan	81
<b>Bab 8:</b>	<b>Peruntukan Lain Dalam Kontrak Insurans</b>	
	Pengenalan	83
	Endorsemen ( <i>Endorsement</i> ) Dan Rider ( <i>Rider</i> )	83

Peruntukan Deduktibel ( <i>Deductible Provision</i> )	84
Tujuan Wujudnya Peruntukan Deduktibel	84
Jenis-Jenis Peruntukan Deduktibel Dalam Insurans Harta	85
<i>Deduktibel Lurus</i>	85
<i>Deduktibel Agregat</i>	86
<i>Deduktibel Francais</i>	87
Jenis-Jenis Peruntukan Deduktibel Dalam Insurans Kesihatan	89
<i>Deduktibel Tahun Kalendar</i>	89
<i>Deduktibel Koridor</i>	89
<i>Tempoh Singkir</i>	90
Peruntukan Koinsurans ( <i>Coinsurance Provision</i> )	90
Fasal Penyertaan Peratusan ( <i>Percentage Participation Clause</i> )	93
Peruntukan Lain Yang Ada Kaitan Dengan Pembahagian Liabiliti Di Kalangan Syarikat Insurans	95
Pembahagian Liabiliti Secara Pro Rata	95
Pembahagian Liabiliti Secara Penyumbangan Sama Rata	97
Pembahagian Liabiliti Secara Insurans Primer Dan Lebihan	98
Rumusan	100
<b>Bab 9: Risiko Liabiliti</b>	
Pengenalan	103
Kesalahan Dari Segi Undang-Undang ( <i>Legal Wrong</i> )	103
Kecuaian	104
Kewajipan Di Sisi Undang-Undang Yang Harus Dilaksanakan	105
Kegagalan Untuk Melaksanakan Kewajipan Di Sisi Undang-Undang	106
Kerosakan Harta Benda Atau Kecederaan Dialami Oleh Individu Lain	106
Sebab Hampiran Antara Perbuatan Cuai Dan Kerugian Yang Berlaku	107
Kecuaian Terkait ( <i>Imputed Negligence</i> )	107
Doktrin <i>Res Ipsa Loquitur</i>	108
Liabiliti <i>Tort</i>	108
Liabiliti Keluaran	109
Liabiliti Profesional	109
Liabiliti Majikan	110
Rumusan	110

<b>Bab 10: Operasi Syarikat Insurans: Perkadaran, Pengunderaitan, Pengeluaran Dan Penyelarasan Tuntutan</b>	
Pengenalan	113
Perkadaran	113
Faktor Yang Mempengaruhi Perkadaran	114
Pengiraan Premium	115
<i>Perkadaran Kelas</i>	116
<i>Perkadaran Merit</i>	117
Pengunderaitan	117
Objektif Pengunderaitan	117
Polisi Pengunderaitan	118
Prinsip Asas Pengunderaitan	118
Langkah Menjalankan Pengunderaitan	119
<i>Menjalankan Pengunderaitan Lapangan</i>	120
<i>Mengumpul Maklumat Pengunderaitan</i>	120
<i>Membuat Keputusan Pengunderaitan</i>	123
Pengeluaran	123
Penyelarasan Tuntutan	124
Objektif Penyelarasan Tuntutan	124
Ajuster Tuntutan	125
Langkah Dalam Penyelarasan Tuntutan	127
Rumusan	129
<b>Bab 11 : Operasi Syarikat Insurans: Reinsurans, Pelaburan Dan Operasi Lain</b>	
Pengenalan	131
Reinsurans	131
Istilah Khas Berhubung Dengan Reinsurans	131
Alasan Untuk Menjalankan Reinsurans	132
Jenis-Jenis Reinsurans	134
<i>Reinsurans Falkultatif</i>	134
<i>Reinsurans Triti</i>	136
Pelaburan	145
Pelaburan Dana Insurans Hayat	146
Pelaburan Dana Insurans Harta Dan Liabiliti	147
Pelaburan Dana Pemegang Saham	147
Operasi Lain Syarikat Insurans	147
Rumusan	148
<b>Bab 12: Prestasi Industri Insurans Dan Peraturan Kerajaan Ke Atas Industri Insurans</b>	
Pengenalan	149

Tinjauan Prestasi Industri Insurans	149
Prestasi Industri Insurans Secara Menyeluruh	149
Prestasi Perniagaan Insurans Hayat Dan Insurans Am Secara Berasingan	151
Perbandingan Prestasi Perniagaan Insurans Hayat Dan Insurans Am	152
Akta Insurans 1963	152
Akta Syarikat 1965	156
Akta Takaful 1984	156
Majlis Pengawasan Syariah ( <i>Syariah Supervisory Council</i> )	157
Rumusan	157
<b>Bab 13: Insurans Am</b>	
Pengenalan	159
Ciri-Ciri Umum Kontrak Insurans Am	159
Jenis-Jenis Insurans Yang Dikelaskan Sebagai Insurans Am	161
Rumusan	165
<b>Bab 14: Insurans Motor Dan Insurans Kebakaran</b>	
Pengenalan	167
Insurans Motor	167
Insurans Wajib	167
Pengelasan Kenderaan Berenjin	167
Jenis-Jenis Polisi Insurans Motor	168
<i>Polisi Akta Sahaja</i>	169
<i>Polisi Pihak Ketiga Sahaja</i>	169
<i>Polisi Pihak Ketiga, Kebakaran Dan Kecurian</i>	169
<i>Polisi Komprehensif</i>	170
Pengecualian Am Yang Terdapat Dalam Polisi Insurans Motor	172
Insurans Kebakaran	174
Peril Kebakaran	174
Peril Kilat	175
Peril Letupan	175
Peril Tambahan	175
Rumusan	176
<b>Bab 15: Pengenalan Kepada Insurans Hayat</b>	
Pengenalan	179
Apa Itu Insurans Hayat?	179
Sejarah Ringkas Tentang Insurans Hayat Di Malaysia	180

Kepentingan Insurans Hayat	180
Ciri-Ciri Utama Kontrak Insurans Hayat	182
Rumusan	185
<b>Bab 16: Insurans Hayat Tradisional</b>	
Pengenalan	187
Insurans Hayat Seumur Hidup	187
Ciri-Ciri Asas Insurans Hayat Seumur Hidup	187
Jenis-Jenis Insurans Hayat Seumur Hidup	189
Kegunaan Insurans Hayat Seumur Hidup	190
Limitasi Insurans Hayat Seumur Hidup	190
Insurans Sementara	191
Ciri-Ciri Asas Insurans Sementara	191
Jenis-Jenis Insurans Sementara	192
Kegunaan Insurans Sementara	194
Limitasi Insurans Sementara	196
Insurans Hayat Endowmen	196
Ciri-Ciri Asas Insurans Hayat Endowmen	197
Kegunaan Insurans Hayat Endowmen	197
Limitasi Insurans Hayat Endowmen	197
Rumusan	198
<b>Bab 17: Insurans Kesihatan</b>	
Pengenalan	201
Insurans Belanja Hospital	201
Insurans Belanja Bedah	202
Insurans Belanja Doktor Perubatan	202
Insurans Perubatan Utama	202
Insurans Jagaan Jangka Panjang	203
Insurans Pendapatan Hilang Upaya	203
Rumusan	203
<b>Bab 18: Insurans Sosial</b>	
Pengenalan	205
Skim Insurans Yang Wujud Sebelum Skim Keselamatan Sosial Yang Dikendalikan Oleh Perkeso Diperkenalkan	205
Latar Belakang Perkeso	206
Pendaftaran Dengan Perkeso	206
Sumbangan Kepada Perkeso	207
Faedah Yang Ditawarkan Oleh Perkeso	208
Skim Bencana Pekerjaan	208

<i>Kecederaan Pekerjaan</i>	208
<i>Faedah</i>	210
Skim Pencen Ilat	212
<i>Ilat</i>	212
<i>Faedah</i>	212
Rumusan	216
<b>Bab 19: Takaful (Insurans Islam)</b>	
Pengenalan	219
Pengertian Takaful	219
Sejarah Perkembangan Takaful	220
Insurans Daripada Perspektif Islam	222
Konsep Dan Amalan Takaful	224
Prinsip Asas Takaful	224
Model Mudharabah	226
<i>Model 1 : Mudharabah Asal</i>	226
<i>Model 2 : Mudharabah Diubahsuai</i>	226
<i>Model 3 : Mudharabah Diubahsuai</i>	227
Perbezaan Antara Takaful Dengan Insurans Konvensional	229
Aspek Perundangan Takaful	237
Akta Takaful 1984	237
Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan	237
Takaful Keluarga	238
Ciri-Ciri Operasi Takaful Keluarga	238
Akaun Peserta Dan Akaun Khas Peserta	238
Pembayaran Faedah Takaful Keluarga	239
Model Takaful Keluarga	240
Produk Takaful Keluarga	241
Takaful Am	241
Ciri-ciri Operasi Takaful Am	241
Model Takaful Am	241
Produk Takaful Am	241
Pelaburan Dana Takaful	243
Retakaful	244
Tujuan Dan Keperluan Retakaful	244
Operasi Retakaful	245
Perkembangan Retakaful	246
Rumusan	247
Bibliografi	249
Biodata Pengarang	253



# SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1	Sumber Maklumat Yang Boleh Membantu Organisasi Untuk Mengenal Pasti Risiko Yang Mungkin Dihadapi	45
Jadual 2	Matriks Pengurusan Risiko	47
Jadual 3	Pampasan Di Bawah Motor Insurans Yang Mempunyai Peruntukan Deduktibel Lurus Sebanyak RM200	85
Jadual 4	Pampasan Di Bawah Insurans Harta Yang Mempunyai Peruntukan Deduktibel Agregat Sebanyak RM500	86
Jadual 5	Pampasan Di Bawah Insurans Marin Kargo Yang Mempunyai Peruntukan Deduktibel Francais Sebanyak RM3,000	87
Jadual 6	Pampasan Di Bawah Insurans Marin Kargo Yang Mempunyai Peruntukan Deduktibel Francais Sebanyak 20 Peratus Daripada Nilai Barangan Diimport	88
Jadual 7	Pampasan Di Bawah Insurans Kebakaran Yang Mempunyai Peruntukan Koinsurans	92
Jadual 8	Perhitungan Faedah Di Bawah Insurans Kesihatan Yang Mempunyai Peruntukan Deduktibel Dan Fasal Penyertaan Peratusan	94
Jadual 9	Pembahagian Liabiliti Secara Pro Rata	95
Jadual 10	Pembahagian Liabiliti Secara Penyumbangan Sama Rata Untuk Jumlah Kerugian Sebanyak RM60,000	97
Jadual 11	Pembahagian Liabiliti Secara Penyumbangan Sama Rata Untuk Jumlah Kerugian Sebanyak RM120,000	98
Jadual 12	Tanggungjawab Liabiliti Di Antara Insurer Langsung Dan Reinsurer Bawah Triteriti Kongsi Surplus Bagi Polisi Insurans Yang Bernilai RM2,000,000	139

Jadual 13	Tanggungan Liabiliti Antara Insurer Langsung Dan Reinsurer Di Bawah Triti Kongsi Surplus Bagi Polisi Insurans Yang Bernilai RM1,600,000	140
Jadual 14	Tanggungan Liabiliti Antara Insurer Langsung Dan Tiga Reinsurer Di Bawah Triti Kongsi Surplus Bagi Polisi Insurans Yang Bernilai RM2,000,000	141
Jadual 15	Tanggungan Liabiliti Antara Insurer Langsung Dan Tiga Reinsurer Di Bawah Triti Kongsi Surplus Bagi Polisi Insurans Yang Bernilai RM1,600,000	142
Jadual 16	Tanggungan Liabiliti Antara Insurer Langsung Dan Reinsurer Di bawah Triti Lebihan Kerugian	143
Jadual 17	Prestasi Industri Insurans, Perniagaan Insurans Hayat dan Perniagaan Insurans Am Sepanjang Tahun 1972 - 1998	150
Jadual 18	Jenis-Jenis Polisi Insurans Motor Dan Perlindungannya Terhadap Liabiliti Undang-Undang Pemegang Polisi	176
Jadual 19	Penubuhan Syarikat Takaful di Seluruh Dunia Mengikut Tahun Penubuhan	221
Jadual 20	Perbezaan Antara Takaful dan Insurans Konvensional	229
Jadual 21	Perkembangan Syarikat-syarikat Retakaful	246

# SENARAI RAJAH

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1	Empat Kategori Risiko Berdasarkan Kombinasi Kekerapan Kerugian Dan Ketenatan Kerugian	4
Rajah 2	Sumbangan Kepada PERKESO	208
Rajah 3	Aliran Operasi Skim Takaful Keluarga	240
Rajah 4	Aliran Operasi Skim Takaful Am	243



# PRAKATA

Tidak banyak buku berkaitan dengan insurans dalam bahasa Malaysia terdapat di pasaran negara kita sehingga hari ini. Oleh itu, buku ini ditulis untuk mengisi kekosongan yang wujud dan untuk mendedahkan pengetahuan tentang pengurusan risiko dan insurans kepada mereka yang baru menceburi bidang ini supaya mereka memahami tentang risiko, cara untuk mengawasinya, konsep dan operasi insurans dan jenis-jenis insurans yang terdapat di pasaran.

Buku ini mengandungi 19 bab. Kandungan buku ini merupakan pengenalan asas tentang pengurusan risiko dan insurans. Oleh itu, sudah tentunya buku ini tidak mencakupi kesemua perkara yang ingin diketahui oleh para pembaca. Secara spesifik, liputan buku ini merangkumi perbincangan berikut: pengenalan kepada risiko, teknik pengendalian risiko, pengurusan risiko, prinsip asas insurans, kontrak insurans, risiko liabiliti, operasi syarikat insurans, prestasi industri insurans dan peraturan kerajaan ke atas industri insurans, insurans am, insurans hayat, insurans kesihatan, insurans sosial, dan insurans Islam.

Perkara asas berkaitan dengan pengurusan risiko dan insurans diolah dengan lanjut dalam buku ini untuk memudahkan pemahaman dan pembacaan. Oleh itu, buku ini sesuai dijadikan bacaan atau rujukan umum semua lapisan masyarakat daripada golongan pelajar, tenaga pengajar ataupun mereka yang melibatkan diri dalam industri insurans.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Penerbit UUM yang sudi menerbitkan buku ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan sekerja pensyarah di Sekolah Kewangan dan Perbankan, Pn. Habibah Tolos dan Pn. Norlida Abd. Manap atas panduan dan nasihat yang diberikan bagi memperkemaskan lagi kandungan buku ini dan kepada rakan sekerja tutor, Pn. Sabariah Nordin, yang sudi menaip sebahagian besar daripada draf awal manuskrip buku ini. Selain itu, ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada bapa saya serta ahli keluarga saya yang lain yang sentiasa memberikan galakan kepada saya dalam proses menyempurnakan buku ini.

Akhir sekali, adalah menjadi harapan saya semoga buku ini dapat menambahkan lagi kefahaman dan pengetahuan pembaca mengenai pengurusan risiko dan insurans.

Lim Chee Chee  
Sekolah Kewangan dan Perbankan  
UUM Sintok  
Kedah



# BAB 1

## PENGENALAN KEPADA RISIKO

---

---

### PENGENALAN

Individu/organisasi menghadapi berbagai-bagai jenis risiko dalam kehidupan/operasi harian mereka. Risiko merupakan suatu yang lumrah bagi individu/organisasi dalam kehidupan/operasi mereka. Dalam perbincangan kita mengenai risiko, bab ini menerangkan konsep asas berkaitan dengan risiko. Secara spesifik, bab ini,

- menerangkan dan membezakan risiko dan peluang;
- menghuraikan makna risiko secara am;
- mendefinisikan risiko secara spesifik dalam konteks pengurusan risiko dan insurans;
- membincangkan komponen risiko;
- menerangkan risiko objektif dan risiko subjektif;
- menerangkan probabiliti objektif dan probabiliti subjektif;
- mengklasifikasikan risiko;
- membincangkan jenis-jenis risiko tulen yang boleh mengakibatkan masalah kewangan yang membebankan;
- menerangkan beban risiko ke atas masyarakat; dan
- memperkenalkan teknik pengendalian risiko utama yang boleh digunakan oleh individu/organisasi untuk mengawasi risiko yang mungkin dihadapi.

### RISIKO (*RISK*) DAN PELUANG (*CHANCE*)

Secara umumnya, apabila membincangkan risiko dan peluang, kedua-dua istilah ini mencerminkan wujudnya unsur ketidakpastian berhubung dengan suatu kejadian. Risiko selalu dikaitkan dengan kejadian buruk atau yang tidak menguntungkan (*unfavourable outcome*). Sementara itu, peluang selalu dikaitkan dengan kejadian baik atau yang menguntungkan (*favourable outcome*).

## MAKNA RISIKO SECARA AM

Pada amnya, terdapat banyak makna bagi risiko. Antara definisi biasa risiko:

- kemungkinan berlaku kejadian buruk;
- kombinasi bahaya (*hazards*);
- ketidakbolehramalan (*unpredictability*), iaitu kecenderungan keputusan sebenar berbeza daripada keputusan dijangka;
- ketidakpastian tentang kerugian; dan
- kemungkinan berlaku kerugian.

## DEFINISI RISIKO DALAM KONTEKS PENGURUSAN RISIKO DAN INSURANS

Secara spesifik, risiko dalam konteks pengurusan risiko dan insurans membawa berbagai-bagai definisi. Risiko boleh merupakan:

- punca (*cause*) kejadian buruk;  
Risiko boleh merujuk kepada punca kejadian buruk. Misalnya, risiko atau punca suatu kejadian buruk ialah kebakaran, kecurian ataupun kemalangan jalan raya.
- kemungkinan (*likelihood*) berlaku kejadian buruk;  
Risiko boleh digunakan untuk mewakili kebarangkalian atau kemungkinan suatu kejadian buruk akan berlaku. Contohnya, meninggalkan kunci kereta di dalam kenderaan meninggikan risiko kenderaan tersebut dicuri atau hilang. Contoh lain, menyimpan kenderaan di dalam garaj yang boleh dikunci merendahkan risiko kenderaan tersebut dicuri atau hilang.
- suatu objek (*object*); dan  
Risiko dalam konteks pengurusan risiko dan insurans boleh digunakan untuk merujuk kepada harta benda ataupun orang yang terdedah kepada risiko. Contohnya, risiko yang dimaksudkan di sini boleh merupakan kilang, kapal terbang, mesin, kapal, pengarah syarikat, rakan kongsi perniagaan usaha sama, suami ataupun isteri dan lain-lain lagi yang terdedah kepada kemungkinan menghadapi kerugian/kecelakaan.
- kerugian (*loss*) yang akan dialami.  
Risiko juga boleh merujuk kepada kerugian yang akan dialami. Kerugian ini mungkin merupakan sesuatu yang boleh diukur dalam bentuk kewangan seperti kehilangan wang tunai dan kos untuk membaiki semula bahagian rumah yang rosak akibat kebakaran. Atau pun, kerugian ini mungkin merupakan suatu yang tidak boleh diukur dalam bentuk kewangan seperti kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh pemandu kereta yang terlibat dalam kemalangan jalan raya dan kesedihan yang dialami oleh ahli keluarga yang masih hidup apabila ketua keluarga mati.

## KOMPONEN RISIKO

Secara umumnya, risiko terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu:

- ketidakpastian (*uncertainty*);
- tahap risiko (*degree of risk*); dan
- punca kerugian (*cause of the loss*).

### Ketidakpastian

Ketidakpastian wujud kerana kita tidak mempunyai maklumat lengkap tentang apa yang akan berlaku pada masa depan. Sekiranya kita selalu dapat mengetahui apa yang akan berlaku pada masa akan datang, jadi risiko tidak wujud. Dengan itu, ketidakpastian merujuk kepada keraguan kita terhadap masa depan.

### Tahap Risiko

Tidak semua risiko mempunyai kecenderungan yang sama dari segi kejadiannya. Sesetengah risiko berlaku lebih kerap manakala sesetengah daripadanya jarang berlaku. Dengan itu, sesetengah kejadian buruk lebih berisiko jika dibandingkan dengan yang lain. Semasa membincangkan tahap risiko, dua konsep berikut boleh digunakan untuk menerangkannya:

- (a) tahap risiko dilihat sebagai kombinasi kekerapan kerugian (*loss frequency*) dan ketenatan kerugian (*loss severity*).

Sebelum menerangkan tahap risiko sebagai kombinasi kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian, terlebih dahulu kita melihat kepada makna kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian. Kekerapan kerugian merujuk kepada berapa kali kerugian akan berlaku dalam suatu jangka masa tertentu, katakan dalam jangka masa setahun. Sementara itu, ketenatan kerugian merujuk kepada berapa banyak kos yang terpaksa ditanggung, sama ada kos dari segi fizikal, emosi ataupun kewangan, jika berlaku kerugian. Berdasarkan kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian, satu matriks yang menunjukkan kombinasi kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian boleh dibentuk. Matriks yang terbentuk mengelaskan risiko kepada empat (4) kategori, iaitu risiko yang mempunyai kombinasi (lihat Rajah 1):

- (i) kekerapan kerugian yang tinggi dan ketenatan kerugian yang rendah;
- (ii) kekerapan kerugian yang tinggi dan ketenatan kerugian yang tinggi;
- (iii) kekerapan kerugian yang rendah dan ketenatan kerugian yang rendah; dan
- (iv) kekerapan kerugian yang rendah dan ketenatan kerugian yang tinggi.

- (b) tahap risiko boleh diterangkan dengan menggunakan konsep utiliti.

Selain daripada melihat tahap risiko sebagai suatu kombinasi yang terdiri daripada kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian, tahap risiko juga boleh diterangkan dengan menggunakan konsep utiliti. Berdasarkan konsep utiliti, tahap risiko dilihat sebagai satu ukuran tunggal yang telah mengambil kira kekerapan kerugian

dan ketenatan kerugian. Dengan kata lain, tahap risiko merupakan fungsi kepada kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian, iaitu:

$$\text{Tahap Risiko} = f(\text{Kekerapan Kerugian, Ketenatan Kerugian})$$

Individu berlainan mempunyai persepsi berlainan terhadap suatu situasi berisiko yang sama. Hal ini kerana individu berkenaan menilai suatu situasi berisiko berdasarkan kekerapan kerugian dan ketenatan kerugian sebagai satu ukuran tunggal secara relatif kepada jumlah keseluruhan kekayaan yang dimiliki oleh mereka masing-masing.

Contohnya, individu yang mempunyai RM10 sahaja melihat risiko kehilangan RM8 sebagai suatu risiko yang sangat besar kerana ketenatan kerugian yang akan dialami besar walaupun kekerapan kerugian berlaku kehilangan ini kecil sekali. Sebaliknya, bagi seorang jutawan, dia tidak menganggap risiko kehilangan RM8 sebagai suatu risiko besar kerana dia tidak akan mengambil kisah tentang jumlah amaun wang yang kecil ini. Malahan, dia tidak akan mengambil tahu tentang kehilangan wang yang begitu kecil jumlah secara relatif kepada kekayaan keseluruhan yang dimilikinya.

**Rajah 1**  
**Empat Kategori Risiko Berdasarkan Kombinasi Kekerapan Kerugian dan Ketenatan Kerugian**

	Kekerapan Kerugian Rendah	Kekerapan Kerugian Tinggi
Ketenatan Kerugian Tinggi	(iv)	(ii)
Ketenatan Kerugian Rendah	(iii)	(i)

**Punca Kerugian**

Punca suatu kerugian boleh dilihat daripada dua aspek, iaitu:

- (a) *peril* (*peril*); dan  
Peril merupakan punca utama yang mengakibatkan kerugian. Antara *peril* yang boleh mengakibatkan kerosakan atau kerugian harta benda terdiri daripada api,

kilat, hujan, pencurian, pecah masuk, letupan dan sebagainya. Contohnya, jika rumah Ali terbakar kerana api, api merupakan punca utama yang mengakibatkan kerugian. Dengan kata lain, api ialah peril dalam kes ini. Contoh lain, sekiranya sebuah kereta rosak akibat pelanggaran dalam kemalangan jalan raya, jadi peril di sini ialah pelanggaran.

(b) bahaya (*hazard*).

Bahaya merujuk kepada faktor atau keadaan yang boleh mempengaruhi suatu kejadian. Ia bukan punca utama yang mengakibatkan kerugian tetapi suatu faktor atau keadaan yang boleh meningkatkan atau mengurangkan kekerapan berlakunya suatu kejadian buruk dan/atau ketenatan kerugian yang akan dialami oleh individu/ organisasi sekiranya kejadian buruk berlaku. Pada amnya, terdapat tiga jenis bahaya utama, iaitu:

(i) bahaya fizikal (*physical hazard*);

Bahaya fizikal berkait rapat dengan ciri-ciri fizikal yang terdapat pada risiko. Misalnya, bahan pembinaan bangunan (contoh: papan atau simen), sistem keselamatan kilang (contoh: sistem yang ketat atau tiada langsung), kedekatan (*proximity*) rumah dengan tebing sungai (contoh: dekat atau jauh daripada tebing sungai) dan sebagainya mempengaruhi (sama ada meningkatkan atau mengurangkan) kekerapan berlakunya suatu kejadian dan/atau ketenatan kerugian jika kejadian berlaku. Contohnya, sistem pendawaian yang tidak mengikut standard yang telah ditetapkan akan meningkatkan risiko kebakaran dan penggunaan kunci (*lock*) yang telah rosak akan meningkatkan risiko berlaku kecurian atau pecah masuk.

(ii) bahaya moral (*moral hazard*); dan

Bahaya moral mempunyai kaitan rapat dengan aspek kemanusiaan individu. Bahaya ini merujuk kepada sikap (*attitude*) individu sama ada dia seorang yang jujur atau tidak. Antara contoh bahaya moral yang mungkin dihadapi oleh syarikat insurans terdiri daripada berikut: pemegang polisi mungkin memalsukan suatu kemalangan untuk menuntut wang insurans, membuat tuntutan palsu (iaitu pemegang polisi menuntut amaun pampasan yang lebih besar daripada kerugian sebenar) ataupun pemegang polisi dengan sengaja membakar inventori yang tidak habis dijual dan yang telah diinsuranskan demi menuntut ganti rugi daripada syarikat insurans.

(iii) bahaya morel (*morale hazard*).

Seperti bahaya moral, bahaya morel juga mempunyai kaitan rapat dengan aspek kemanusiaan individu. Akan tetapi, bahaya morel merujuk kepada kecuaiian ataupun sikap tidak mengambil peduli individu kerana wujud perlindungan insurans. Misalnya, kecuaiian individu meninggalkan kunci kereta

dalam kenderaannya merupakan satu contoh bahaya morel yang mungkin dihadapi oleh syarikat insurans kerana sikap individu berkenaan meningkatkan risiko kecurian atau kehilangan kenderaan tersebut. Ataupun, pemandu yang tiba-tiba menukar lorong di lebuhraya yang penuh sesak dengan kenderaan tanpa memberikan isyarat meningkatkan risiko berlaku kemalangan jalan raya. Sikap pemandu yang tidak mengambil peduli kerana menganggap dia dilindungi oleh insurans motor merupakan satu contoh bahaya morel lain yang mungkin dihadapi oleh syarikat insurans.

## **RISIKO OBJEKTIF (*OBJECTIVE RISK*) DAN RISIKO SUBJEKTIF (*SUBJECTIVE RISK*)**

Secara umumnya, risiko boleh merupakan risiko objektif ataupun risiko subjektif bergantung kepada bagaimana risiko dilihat sama ada secara relatif kepada kerugian dijangka atau keadaan minda individu.

### **Risiko Objektif**

Risiko objektif didefinisikan sebagai variasi relatif kerugian sebenar daripada kerugian dijangka (*relative variation of actual loss from expected loss*). Sebagai contoh, katakan sebuah syarikat insurans mempunyai 10,000 buah rumah yang telah diinsuranskan dengannya terhadap risiko kebakaran. Secara purata, satu peratus ataupun sebanyak 100 ( $10,000 \times 0.01$ ) buah rumah akan terbakar setiap tahun. Akan tetapi, jarang sekali tepat 100 buah rumah akan terbakar setiap tahun. Pada kebiasaannya, kemungkinan besar 110 buah rumah akan terbakar dalam sesetengah tahun manakala bagi sesetengah tahun lain, kemungkinan besar hanya 90 buah rumah sahaja yang akan terbakar. Dengan itu, terdapat variasi sebanyak 10 ( $110 - 100 = 10$  ataupun  $100 - 90 = 10$ ) buah rumah daripada bilangan rumah yang dijangkakan (100 buah) akan terbakar, iaitu risiko objektif ialah 10 peratus ( $10/100 \times 100\% = 10\%$ ).

Risiko objektif berkurangan apabila bilangan objek yang terdedah kepada risiko yang sama meningkat. Risiko objektif boleh diukur dengan menggunakan ukuran penyelerakan (*measure of dispersion*) seperti:

- (a) julat (*range*);
- (b) varians (*variance*);
- (c) sisihan piawai (*standard deviation*); dan
- (d) pekali variasi (*coefficient of variation*).

### **Risiko Subjektif**

Risiko subjektif merujuk kepada ketidakpastian keadaan minda individu. Contohnya, bagi seorang pemabuk yang hendak memandu kereta untuk balik ke rumah, dia berasa tidak pasti sama ada dia akan sampai ke rumah dengan selamat tanpa ditangkap atau ditahan

## Contoh Risiko Objektif

Berikut ialah suatu taburan probabiliti hipotetikal (*hypothetical probability distribution*) bagi kos membaiki kenderaan rosak akibat kemalangan jalan raya:

Kos	Probabiliti
RM 0	0.50
1,000	0.27
3,000	0.10
4,000	0.08
6,000	0.04
10,000	0.01

Kira yang berikut berdasarkan taburan probabiliti yang telah ditunjukkan di atas:

- Nilai dijangka (*expected value*)  
 $= (RM0 \cdot 0.50) + (RM1,000 \cdot 0.27) + (RM3,000 \cdot 0.10) + (RM4,000 \cdot 0.08) + (RM6,000 \cdot 0.04) + (RM10,000 \cdot 0.01)$   
 $= RM0 + RM270 + RM300 + RM320 + RM240 + RM100$   
 $= RM1,230$
- Julat =  $RM10,000 - RM0 = RM10,000$
- Varians  
 $= 0.50(RM0 - RM1,230)^2 + 0.27(RM1,000 - RM1,230)^2 + 0.10(RM3,000 - RM1,230)^2 + 0.01(RM10,000 - RM1,230)^2$   
 $= 756,450 + 14,283 + 313,290 + 613,832 + 910,116 + 769,129$   
 $= 3,377,100$
- Sisihan piawai =  $(3,377,100)^{1/2} = RM1,837.69$
- Pekali variasi =  $\frac{RM1,837.69}{RM1,230.00} = 1.494$  unit risiko per RM kerugian

polis kerana memandu dalam keadaan mabuk. Rasa ketidakpastian yang wujud pada minda individu tersebut dikatakan sebagai risiko subjektif.

Tahap risiko subjektif akan berubah bergantung kepada persepsi individu. Dua individu berlainan dalam suatu situasi yang sama mungkin mempunyai persepsi berlainan terhadap

risiko yang sama. Dengan itu, tindakan yang akan diambil oleh mereka juga turut berbeza. Pada amnya, individu yang mempunyai tahap risiko subjektif yang tinggi bertindak secara konservatif dan lebih berhati-hati. Sementara itu, individu yang mempunyai tahap risiko subjektif yang rendah mempunyai tindakan yang kurang konservatif. Contohnya, bagi pemabuk tadi, sekiranya dia seorang yang mempunyai tahap risiko subjektif yang tinggi, dia akan meminta bantuan daripada kawan untuk menghantarnya balik ke rumah ataupun dia akan mengambil keputusan untuk menaiki teksi untuk balik ke rumah. Sebaliknya, jika pemabuk tadi seorang yang mempunyai tahap risiko subjektif yang rendah, dia akan memandu kereta untuk kembali ke rumah dalam keadaan mabuk.

## **PROBABILITI OBJEKTIF (*OBJECTIVE PROBABILITY*) DAN PROBABILITI SUBJEKTIF (*SUBJECTIVE PROBABILITY*)**

Disebabkan risiko boleh merupakan risiko objektif ataupun risiko subjektif, jadi probabiliti berlakunya suatu risiko juga terbahagi kepada dua, iaitu probabiliti objektif dan probabiliti subjektif.

### **Probabiliti Objektif**

Probabiliti objektif merujuk kepada kekerapan relatif jangka panjang (*long-run relative frequency*) bagi suatu kejadian berdasarkan andaian:

- (a) kekerapan tersebut dicapai setelah kita memerhatikan kejadiannya untuk infiniti kali; dan,
- (b) tiada perubahan telah berlaku kepada keadaan yang menjadi asas kepada kejadian tersebut.

Dengan kata lain, probabiliti objektif ialah kekerapan yang berdasarkan pemerhatian kita terhadap apa yang telah berlaku pada masa lepas dan kita membuat andaian selanjutnya keadaan yang sama akan berlaku pada masa akan datang.

Probabiliti objektif suatu kejadian boleh ditentukan melalui dua cara, iaitu melalui:

- (a) taakulan deduksi (*deduction reasoning*); dan  
Probabiliti objektif yang ditentukan melalui taakulan deduksi merupakan kekerapan yang diperoleh berdasarkan fikiran logik. Probabiliti ini merupakan kekerapan yang nyata (*obvious*). Probabiliti objektif bagi suatu kejadian boleh diperoleh dengan memerhatikan ciri-ciri kejadian yang mungkin berlaku. Probabiliti ini juga dikenali sebagai probabiliti priori. Misalnya, sebagaimana yang diketahui umum, kekerapan memperoleh kepala dengan melambungkan satu duit syiling ialah  $1/2$ . Ini kerana terdapat dua muka pada satu duit syiling dan hanya salah satu daripada mukanya ialah kepala. Begitu juga dengan kes lemparan dadu. Kekerapan memperoleh enam

dengan melemparkan satu dadu ialah  $1/6$ . Ini kerana satu dadu mempunyai enam muka dan hanya satu muka daripadanya mempunyai enam bintik.

(b) taakulan induksi (*inductive reasoning*).

Adakalanya kita tidak dapat mengetahui kekerapan asas bagi suatu kejadian, dengan itu kita tidak dapat membuat kesimpulan logik tentang kekerapan yang akan diperolehi berdasarkan ciri-ciri kejadian yang mungkin berlaku. Akan tetapi, kekerapan kejadian ini masih boleh diperolehi berdasarkan pemerhatian dan pengalaman lepas. Dengan kata lain, probabiliti objektif yang diperolehi melalui taakulan induksi ialah kekerapan yang diperolehi hasil daripada pemerhatian kita terhadap satu siri percubaan yang banyak yang telah berlaku pada masa lepas. Oleh yang demikian, probabiliti objektif juga dikenali sebagai probabiliti posteriori ataupun probabiliti empirikal. Contohnya, katakan kekerapan seorang yang berumur 28 tahun akan mati sebelum dia mencapai umur 29 tahun ialah 0.00331. Hal ini bermakna pakar yang mengkaji statistik kemortalan (kadar mati) mendapati seramai 331 orang daripada 100,000 orang yang hidup pada umur 28 tahun mati sebelum mereka mencapai umur 29 tahun pada masa lepas. Sekiranya diandaikan tiada perubahan telah berlaku ke atas punca kematian, kita dapat membuat jangkaan yang sama bahawa terdapat bilangan yang sama bagi mereka yang berumur 28 tahun akan meninggal dunia sebelum mereka mencapai umur 29 tahun pada masa akan datang.

### Probabiliti Subjektif

Probabiliti subjektif merupakan jangkaan yang dibuat oleh individu terhadap kekerapan berlakunya suatu kejadian. Individu berlainan mempunyai jangkaan kekerapan berlainan terhadap suatu kejadian yang sama. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi persepsi individu dalam penentuan probabiliti subjektif. Antaranya ialah umur, jantina, tahap kecerdasan, tahap pendidikan, tahap penggunaan alkohol individu berkenaan. Sebagai contohnya, individu yang membeli tiket loteri pada harijadinya mempercayai hari tersebut merupakan hari bertuah dan mempunyai jangkaan yang lebih tinggi terhadap kekerapan untuk memenangi hadiah pertama.

## KLASIFIKASI RISIKO

Risiko boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori besar:

- risiko kewangan dan risiko bukan kewangan (*financial risk and non-financial risk*);
- risiko tulen dan risiko spekulatif (*pure risk and speculative risk*); dan
- risiko fundamental dan risiko tertentu (*fundamental risk and particular risk*).

### Risiko Kewangan dan Risiko Bukan Kewangan

Risiko kewangan merujuk kepada kerugian yang boleh dikuantifikasikan dalam bentuk wang ringgit. Contohnya, kerosakan bangunan, kecurian harta dan kehilangan keuntungan

perniagaan akibat kebakaran merupakan risiko kewangan kerana kerugian yang berlaku boleh diukur dari segi kewangan.

Sementara itu, risiko bukan kewangan merujuk kepada kerugian yang tidak boleh dikuantifikasikan dalam bentuk wang ringgit tetapi yang berkaitan dengan perasaan ketidakselesaan yang dialami oleh individu seperti perasaan kebimbangan, ketakutan, sakit dan sedih. Contohnya:

- (a) Individu mungkin menghadapi risiko mendapat kereta yang banyak memberikan masalah apabila membeli kereta terpakai.
- (b) Individu mungkin menghadapi risiko dijangkiti penyakit akibat termakan makanan tidak bersih semasa menikmati makanan di tepi jalan.
- (c) Individu mungkin menghadapi risiko mengahwini isteri yang tidak jujur atau suami yang kaki botol semasa memilih gadis atau teruna idaman sebagai teman hidup.

Risiko kewangan merupakan risiko yang boleh diinsuranskan kerana kerugian yang berlaku boleh ditentukan dengan tepat dan pasti oleh syarikat insurans. Akan tetapi, risiko bukan kewangan tidak boleh diinsuranskan kerana kerugian yang berlaku tidak dapat dikuantifikasikan dari segi kewangan. Dengan itu, keadaan ini tidak membolehkan syarikat insurans untuk menentukan berapa banyak pampasan yang harus dibayarnya.

### **Risiko Tulen dan Risiko Spekulatif**

Risiko tulen merujuk kepada keadaan tidak pasti di mana individu/organisasi mungkin mengalami kerugian ataupun tidak mengalami apa-apa kerugian dan terus berada dalam keadaan yang sama. Ketidakpastian yang dihadapi oleh individu/organisasi adalah sama ada mereka akan mengalami kerugian ataupun jika mereka bernasib baik, tiada perkara buruk akan terjadi dan mereka terus berada dalam keadaan yang sama tanpa mengalami apa-apa kerugian. Oleh itu, risiko tulen tidak mengandungi elemen keuntungan. Beberapa contoh risiko tulen:

- (a) risiko terlibat dalam kemalangan jalan raya;  
Individu mungkin tercedera dan kereta yang dinaiki rosak dalam perjalanan ke destinasi yang ditujui ataupun individu akan sampai ke destinasi dengan selamat.
- (b) risiko kilang terbakar; dan  
Kilang mungkin dijilat api ataupun tiada apa-apa akan berlaku kepada kilang.
- (c) risiko inventori di gudang hilang.  
Inventori di gudang mungkin hilang kerana dicuri ataupun tiada apa-apa akan berlaku kepada inventori dan kesemuanya berada dalam keadaan yang baik dan selamat.

Risiko spekulatif merujuk kepada keadaan tidak pasti di mana individu/organisasi menghadapi kemungkinan memperoleh keuntungan, mengalami kerugian ataupun tidak mengalami/memperoleh apa-apa kerugian/keuntungan. Terdapat tiga kemungkinan yang akan dihadapi oleh individu/organisasi berhubung dengan risiko spekulatif, iaitu mereka mungkin memperoleh keuntungan, mengalami kerugian, atau masih berada dalam keadaan yang sama.

Terdapat elemen keuntungan berhubung dengan risiko spekulatif kerana individu/organisasi yang menghadapi risiko ini mempunyai peluang untuk memperolehi keuntungan. Antara contoh risiko spekulatif:

- (a) risiko yang dihadapi oleh pelabur yang melabur di pasaran saham; dan Pelabur menghadapi kemungkinan memperoleh keuntungan modal (*capital gains*) sekiranya harga saham yang dibeli naik, mengalami kerugian modal (*capital loss*) jika harga saham yang dibeli jatuh, ataupun tidak mengalami/memperoleh apa-apa kerugian/keuntungan sekiranya harga saham yang dibeli tidak berubah.
- (b) risiko yang dihadapi oleh organisasi yang melaksanakan strategi perletakan harga yang mahal ke atas produk. Organisasi mungkin berjaya mengaut keuntungan, mengalami kerugian, ataupun setakat pulang modal (*break even*) sahaja dengan strategi perletakan harga yang dilaksanakan.

Pada amnya, syarikat insurans memberi perlindungan terhadap risiko tulen sahaja. Perlindungan insurans biasanya tidak disediakan untuk risiko spekulatif yang mengandungi elemen keuntungan. Hal ini kerana individu/organisasi yang menanggung risiko ini rela dan sanggup menghadapinya dengan harapan untuk memperoleh keuntungan.

### **Risiko Fundamental dan Risiko Tertentu**

Risiko fundamental merujuk kepada risiko yang puncanya tidak boleh dikawal oleh individu/organisasi dan risiko ini mempunyai kesan meluas ke atas keadaan ekonomi sekumpulan besar manusia. Contoh risiko fundamental adalah keadaan inflasi/deflasi, kejadian bencana alam seperti banjir, kebakaran hutan dan gempa bumi, krisis kewangan dan ketidakstabilan politik. Kejadian risiko ini tidak dapat dikawal oleh individu/organisasi dan kesannya dialami oleh penduduk di suatu kawasan ataupun rakyat negara secara umumnya.

Risiko tertentu merujuk kepada risiko yang berpunca daripada tindak laku individu tertentu dan kesannya hanya dialami oleh sekumpulan kecil individu. Contohnya, rumah Ali terbakar akibat kebakaran kerana tindakan cuai jiran yang membakar sampah sehingga menyebabkan kebakaran. Dalam kes ini, punca kebakaran adalah tindakan jiran yang cuai dan akibatnya kesan buruk ini dialami oleh Ali. Contoh lain, bagi suatu kemalangan jalan raya yang melibatkan dua buah kereta, punca kemalangan disebabkan oleh salah

seorang pemandu yang tidak berhati-hati ketika dia memotong kereta di hadapan sehingga keretanya melanggar kereta yang datang dari arah yang bertentangan. Akibat kemalangan ini, kedua-dua kereta dan penumpang dalam kereta yang terlibat dalam kemalangan sahaja yang mengalami kerosakan dan tercedera.

Risiko tertentu boleh diinsuranskan manakala risiko fundamental tidak boleh diinsuranskan. Hal ini kerana risiko fundamental biasanya tidak dapat dikawal dan mempunyai kesan meluas ke atas sekumpulan besar manusia. Dengan itu, kerugian seumpama ini tidak seharusnya ditanggung oleh syarikat insurans sahaja tetapi tanggungjawab ini harus dipikul oleh masyarakat secara keseluruhan.

## JENIS-JENIS RISIKO TULEN

Antara risiko tulen yang boleh mengakibatkan masalah kewangan teruk terdiri daripada:

- risiko peribadi (*personal risk*);
- risiko harta (*property risk*); dan
- risiko liabiliti (*liability risk*).

### Risiko Peribadi

Risiko peribadi adalah risiko yang memberi kesan secara langsung kepada seseorang individu. Terdapat empat jenis risiko peribadi utama:

- (a) risiko kematian awal (*risk of premature death*);  
Kematian awal didefinisikan sebagai kematian ketua keluarga yang masih mempunyai obligasi kewangan yang belum dijelaskan. Contoh obligasi kewangan yang dipikul oleh ketua keluarga:
- (i) tanggungan (iaitu, isteri dan anak) yang harus dibiayai;
  - (ii) tanggungan pendidikan anak;
  - (iii) pinjaman perumahan yang belum selesai dijelaskan;
  - (iv) pinjaman kereta yang belum habis dibayar; dan
  - (v) hutang ansuran lain yang belum dilangsaikan.

Keluarga yang ketuanya mati awal bukan sahaja mengalami kehilangan fizikal ketua keluarga tersebut tetapi ahli keluarga yang masih hidup juga turut mengalami kerugian dari aspek berikut:

- (i) mereka kehilangan nilai hidup manusia (*human life value*) ketua keluarga yang telah mati buat selama-lamanya;  
Nilai hidup manusia adalah nilai kini semua kewangan yang akan dinikmati oleh ahli keluarga si mati daripada pendapatan yang bakal diperoleh sekiranya ketua keluarga tersebut tidak mati awal.

- (ii) mereka terpaksa menanggung perbelanjaan tambahan ketika kematian ketua keluarga untuk mengendalikan pengebumiannya dan/atau membayar probet, cukai harta dan bil perubatan yang belum dijelaskan;
  - (iii) mereka mengalami kejatuhan dalam taraf hidup mereka; dan Kejatuhan taraf hidup keluarga mungkin disebabkan oleh pendapatan daripada sumber lain atau aset kewangan yang diwarisi daripada ketua keluarga tidak cukup untuk memenuhi keperluan asas keluarga.
  - (iv) mereka bukan sahaja mengalami kerugian dari segi kewangan tetapi juga kos bukan kewangan seperti kesedihan dan kehilangan tunjuk ajar, pimpinan dan model yang boleh dicontohi oleh anak.
- (b) risiko umur tua (*risk of old age*);  
Risiko utama yang mungkin dihadapi oleh seseorang individu apabila umurnya semakin meningkat ialah ketidakcukupan pendapatan setelah bersara.
- (c) risiko kesihatan buruk (*risk of poor health*); dan  
Risiko kesihatan yang mungkin dihadapi oleh seseorang individu adalah dia mungkin terpaksa menanggung bil perubatan yang mahal akibat sakit dan pada masa yang sama mengalami kehilangan sumber pendapatan kerana tidak dapat bekerja.
- (d) risiko pengangguran (*risk of unemployment*).  
Pengangguran mengakibatkan masalah kewangan kepada seseorang individu dalam tiga keadaan berikut:
- (i) Individu yang menganggur kehilangan sumber pendapatannya. Jika dia mempunyai sumber pendapatan lain untuk menggantikan pendapatan pekerjaannya ataupun dia mempunyai simpanan yang boleh digunakan, keadaan kewangan yang dihadapi adalah tidak begitu menekan. Sebaliknya, jika dia tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan lain ataupun simpanan yang boleh digunakan, individu tersebut akan berasa tertekan dari segi kewangan.
  - (ii) Katakan individu tersebut mempunyai simpanan dan sekiranya tempoh pengangguran ini berlanjutan, simpanannya akan kehabisan kerana telah digunakan untuk menampung perbelanjaan hariannya. Dengan itu, apabila keadaan ini berlaku, individu tersebut akan menghadapi masalah kewangan yang membimbangkan.
  - (iii) Di samping itu, jika individu masih tidak dapat pekerjaan baru sama ada kerja sepenuh masa ataupun kerja sambilan disebabkan oleh keadaan ekonomi

yang buruk, kemungkinan besar dia tidak dapat memenuhi keperluan asas hariannya.

### **Risiko Harta**

Risiko harta adalah risiko yang dihadapi oleh pemilik harta apabila harta mereka rosak, musnah ataupun hilang. Terdapat dua jenis kerugian yang mempunyai kaitan dengan kerosakan, kemusnahan atau kehilangan harta yang mungkin dialami oleh pemilik, iaitu:

- (a) kerugian langsung (*direct loss*); dan  
Kerugian langsung merujuk kepada kerugian kewangan yang dialami oleh pemilik harta secara langsung akibat kerosakan, kemusnahan atau kehilangan fizikal harta. Contohnya, jika sebuah kedai rosak akibat kebakaran, kos yang dibelanjakan oleh pemilik untuk memperbaiki kerosakan fizikal kedai dikatakan sebagai kerugian langsung yang dialami oleh pemilik kedai.
- (b) kerugian tidak langsung (*indirect loss / consequential loss*).  
Kerugian tidak langsung merujuk kepada kerugian kewangan yang dialami oleh pemilik harta secara tidak langsung akibat kerosakan, kemusnahan atau kehilangan hartanya. Contohnya, lanjutan daripada kebakaran yang merosakkan bangunan kedai, kedai perlu ditutup selama beberapa hari untuk membolehkan kerja memperbaiki dijalankan ke atas kedai tersebut. Kos membaiki semula bangunan yang terbakar adalah kerugian langsung manakala kerugian yang dialami oleh pemilik akibat kehilangan keuntungan perniagaan semasa penutupan kedai merupakan kerugian tidak langsung yang dialami oleh pemilik kedai. Secara amnya, kerugian berikut merupakan contoh kerugian tidak langsung:
  - (i) kehilangan pendapatan sewa;
  - (ii) kehilangan pasaran;
  - (iii) kehilangan penggunaan bangunan atau kenderaan; dan
  - (iv) kos tambahan yang dibelanjakan oleh organisasi untuk beroperasi di lokasi lain kerana tidak ingin kehilangan pelanggan kepada pesaing.

### **Risiko Liabiliti**

Risiko liabiliti merupakan risiko yang mungkin dihadapi oleh individu/organisasi di bawah undang-undang yang berkuatkuasa kerana mereka telah melakukan sesuatu yang mengakibatkan kecederaan anggota dan/atau kerosakan atau kemusnahan harta orang lain. Misalnya, pemandu kenderaan terdedah kepada risiko liabiliti kerana dia mungkin diwajibkan oleh undang-undang untuk membayar gantirugi kepada orang yang dcederai jika dia cuai ketika membawa keretanya. Doktor, peguam, akauntan, jurutera dan ahli profesional lain juga mungkin menghadapi risiko liabiliti kerana mereka mungkin dituduh oleh pelanggan atas alasan salah amalan (*malpractice*).

Risiko liabiliti mungkin menyebabkan individu/organisasi menghadapi masalah kewangan yang tertekan. Hal ini kerana,

- (a) jumlah gantirugi yang terpaksa dibayar oleh individu/organisasi kepada pihak lain boleh merupakan sebarang amaun;  
Jumlah ini tiada had maksimum. Dengan kata lain, individu/organisasi boleh dituduh dan diwajibkan oleh undang-undang untuk membayar gantirugi dalam sebarang amaun yang difikirkan berpatutan oleh mahkamah.
- (b) jumlah liabiliti yang harus ditanggung oleh individu/organisasi mungkin merupakan suatu amaun yang sangat besar sehingga pendapatan dan aset yang dimiliki mereka sekarang tidak cukup untuk membayar gantirugi tersebut; dan  
Dalam keadaan yang demikian, ini bermakna pendapatan dan aset yang bakal diperolehi harus digunakan untuk membayar gantirugi tersebut.
- (c) perbelanjaan perundangan yang terlibat dan bayaran kepada peguam yang membela mereka di mahkamah mungkin merupakan suatu jumlah yang amat besar.

## **BEBAN RISIKO KE ATAS MASYARAKAT**

Risiko bukan sahaja merupakan suatu beban kepada individu malahan ianya juga merupakan suatu beban kepada masyarakat secara umum. Pada amnya, risiko membebankan masyarakat dari tiga aspek berikut apabila masyarakat:

- dikehendaki untuk menyediakan dana kecemasan yang lebih besar;  
Masyarakat dikehendaki untuk menyediakan dana kecemasan yang lebih besar untuk menampung kerugian akibat risiko yang mungkin dialami. Contohnya, kerajaan perlu bersiap sedia dan memperuntukkan sejumlah wang besar sebagai dana kecemasan negara untuk menghadapi kemungkinan musim kemarau akibat fenomena El-Nino dan kemungkinan banjir melanda negara akibat fenomena La-Nina.
- memberhentikan pengeluaran/penawaran barang/perkhidmatan tertentu; dan  
Demi mengelakkan risiko tertentu, organisasi telah mengambil keputusan untuk tidak mengeluarkan/menawarkan barang/perkhidmatan tertentu. Hal ini merugikan masyarakat kerana masyarakat tidak dapat menikmati barang dan perkhidmatan tersebut. Contohnya, demi mengelakkan risiko menghadapi dakwaan menghasilkan produk yang membahayakan pengguna, organisasi telah memberhentikan pengeluaran sesetengah barang seperti kapal terbang yang menggunakan satu enjin sahaja, barang asbestos dan ubat tertentu.
- mengalami perasaan bimbang dan takut yang semakin meningkat.  
Risiko selalu menyebabkan masyarakat berasa bimbang dan takut. Ia meningkatkan tahap kegelisahan mental masyarakat dan menyebabkan masyarakat selalu berada dalam keadaan ketakutan. Contohnya, penumpang yang menaiki kapal terbang berasa

gelisah dan takut kerana bimbang tentang suatu yang buruk akan terjadi kepada kapal terbang yang dinaiki (contoh, kerosakan enjin kapal terbang).

## TEKNIK PENGENDALIAN RISIKO

Individu/organisasi tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi risiko dan akibatnya mereka terpaksa menanggung kerugian yang berlaku. Akan tetapi, individu/organisasi boleh melakukan sesuatu untuk mengawasi risiko yang mungkin dihadapi dengan menggunakan teknik pengendalian risiko yang sesuai.

Terdapat lima teknik pengendalian risiko utama yang boleh digunakan oleh individu/organisasi untuk mengawasi risiko yang mungkin dihadapi. Teknik tersebut terdiri daripada teknik:

- pengelakan (*avoidance*);
- pembendungan (*retention*);
- pemindahan bukan insurans (*non-insurance transfer*);
- pengawalan kerugian (*loss control*);
- dan insurans (*insurance*).

## RUMUSAN

Risiko dan peluang mempunyai unsur ketidakpastian. Risiko selalu dikaitkan dengan kejadian buruk manakala peluang selalu dikaitkan dengan kejadian baik. Secara amnya, terdapat banyak makna bagi risiko. Secara spesifik, definisi risiko dalam konteks pengurusan risiko dan insurans boleh merujuk kepada punca kejadian buruk, kemungkinan berlaku kejadian buruk, suatu objek ataupun kerugian yang akan dialami. Risiko terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu ketidakpastian, tahap risiko dan punca kerugian.

Risiko boleh merupakan risiko objektif ataupun risiko subjektif. Risiko objektif adalah variasi relatif kerugian sebenar daripada kerugian dijangka. Ianya boleh ditentukan dengan menggunakan ukuran penyelerakan. Sementara itu, risiko subjektif merujuk kepada ketidakpastian keadaan minda individu.

Probabiliti boleh merupakan probabiliti objektif ataupun probabiliti subjektif. Probabiliti objektif adalah kekerapan relatif jangka panjang bagi suatu kejadian berdasarkan andaian kekerapan tersebut dicapai setelah kita memerhatikan kejadiannya untuk infinit kali dan tiada perubahan telah berlaku kepada keadaan yang menjadi asas kepada kejadian tersebut. Sementara itu, probabiliti subjektif merupakan jangkauan yang dibuat oleh seseorang individu terhadap kekerapan berlakunya sesuatu kejadian.

Secara umumnya, risiko boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori besar iaitu risiko kewangan dan risiko bukan kewangan, risiko tulen dan risiko spekulatif, serta risiko fundamental dan risiko tertentu. Risiko kewangan merujuk kepada kerugian yang boleh dikuantifikasikan dari segi kewangan manakala risiko bukan kewangan tidak boleh dikuantifikasikan dari segi kewangan tetapi ianya berkait dengan perasaan ketidaksenangan yang dialami oleh individu. Risiko tulen merujuk kepada keadaan tidak pasti apabila individu/organisasi mungkin mengalami kerugian ataupun tidak mengalami apa-apa kerugian dan masih berada dalam keadaan yang sama. Sementara itu, risiko spekulatif mengandungi elemen keuntungan. Ianya merujuk kepada keadaan tidak pasti apabila individu/organisasi menghadapi kemungkinan memperoleh keuntungan, mengalami kerugian ataupun tidak mengalami/memperoleh apa-apa kerugian/keuntungan (berada dalam keadaan yang sama). Risiko fundamental merujuk kepada risiko yang puncanya tidak boleh dikawal oleh individu/organisasi dan mempunyai kesan meluas ke atas sekumpulan besar manusia. Sementara itu, punca risiko tertentu adalah disebabkan oleh tindak laku individu tertentu dan kesannya hanya dialami oleh sekumpulan kecil individu.

Perbincangan seterusnya menumpukan perhatian kepada risiko tulen. Antara risiko tulen yang boleh mengakibatkan masalah kewangan yang membebankan terdiri daripada risiko peribadi, risiko harta dan risiko liabiliti. Di samping itu, beban risiko ke atas masyarakat juga turut dibincangkan. Antara beban yang harus dipikul oleh masyarakat adalah masyarakat harus menyediakan dana kecemasan yang lebih besar untuk menghadapi risiko yang mungkin dialami, masyarakat secara umum mungkin tidak dapat menikmati barang dan perkhidmatan tertentu, dan masyarakat akan berasa bimbang dan takut sepanjang masa kerana menghadapi ketidakpastian.

Sebelum mengakhiri bab ini, teknik pengendalian risiko telah dikemukakan. Terdapat lima teknik utama, iaitu teknik pengelakan, pembendungan, pemindahan bukan insurans, pengawalan kerugian dan insurans.

# *Pengurusan* **RISIKO & INSURANS**

Buku ini mendedahkan pengetahuan tentang pengurusan risiko dan insurans, cara untuk mengawasinya, konsep dan operasi insurans dan jenis-jenis insurans yang terdapat dalam pasaran. Kandungan buku ini merupakan pengenalan asas tentang pengurusan risiko dan insurans yang mengandungi 19 bab merangkumi tajuk berikut:

- PENGENALAN KEPADA RISIKO
- TEKNIK PENGENDALIAN RISIKO : PENGELAKAN, PEMBENDUNGAN, PEMINDAHAN BUKAN INSURANS DAN PENGAWALAN KERUGIAN
- TEKNIK PENGENDALIAN RISIKO : INSURANS
- PENGURUSAN RISIKO
- PRINSIP ASAS INSURANS
- ELEMEN ASAS PEMBENTUKAN KONTRAK INSURANS DAN CIRI-CIRI KHAS KONTRAK INSURANS DARI SEGI PERUNDANGAN
- KOMPONEN ASAS DALAM KONTRAK INSURANS
- PERUNTUKAN LAIN DALAM KONTRAK INSURANS
- RISIKO LIABILITI
- OPERASI SYARIKAT INSURANS : PERKADARAN, PENGUNDERAITAN, PENGELUARAN DAN PENYELARASAN TUNTUTAN
- OPERASI SYARIKAT INSURANS : REINSURANS, PELABURAN DAN OPERASI LAIN
- PRESTASI INDUSTRI INSURANS DAN PERATURAN KERAJAAN KE ATAS INDUSTRI INSURANS
- INSURANS AM
- INSURANS MOTOR DAN INSURANS KEBAKARAN
- PENGENALAN KEPADA INSURANS HAYAT
- INSURANS HAYAT TRADISIONAL
- INSURANS KESIHATAN
- INSURANS SOSIAL
- TAKAFUL (INSURANS ISLAM)

Perkara asas berkaitan dengan pengurusan risiko dan insurans diolah dengan lanjut dalam buku ini untuk memudahkan pemahaman dan pembacaan. Oleh itu, buku ini sesuai dijadikan bacaan untuk rujukan umum semua lapisan masyarakat daripada golongan pelajar, tenaga pengajar ataupun mereka yang melibatkan diri dalam industri insurans.

ISBN 983247943-6



9 799832 479436